



Siaran
AKHBAR
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTAHANAN

KP/UKK/SPM/010/004 – (1/6)

**BENGGEL/FORUM KESEDARAN RANG UNDANG-UNDANG KONVENSYEN
SENJATA BIOLOGI DAN TOKSIN (RUU KSBT) 2012**

Unit Komunikasi Korporat Kementerian Pertahanan telah mengeluarkan kenyataan berikut:

Seramai 258 orang peserta hadir dalam Bengkel/Forum Kesedaran Rang Undang-Undang Konvensyen Senjata Biologi dan Toksin (RUU KSBT) 2012 bertempat di Auditorium Blok A, Kompleks Induk STRIDE Kementerian Pertahanan, Taman Bukit Mewah Fasa 9, 43000 Kajang Selangor.

Draf Rang Undang-Undang ini telah digubal bersama dengan wakil dari Jabatan Peguam Negara, Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik MinDef, Bahagian Undang-Undang MinDef serta pakar-pakar dari beberapa Kementerian dan agensi kerajaan yang berkaitan seperti Kementerian Kesihatan, Kementerian Luar Negeri, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Majlis Keselamatan Negara dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Penyediaan RUU KSBT adalah bertujuan untuk memenuhi obligasi negara dalam mengimplementasikan Konvensyen Senjata Biologi dan Toksin, mengawal dengan lebih ketat aktiviti yang melibatkan agen biologi dan toksin merbahaya di kawasan-kawasan yang terdedah, mencegah daripada berlakunya insiden pembebasan agen biologi dan toksin merbahaya secara sengaja atau tidak sengaja, mencegah pembangunan dan penghasilan senjata biologi dan memantau penyelidikan berteknologi dwi-fungsi.

Sebanyak 10 Kertas Kerja yang akan dibentangkan iaitu:

1. **Kesan Senjata Biologi dan Toksin ke atas Manusia** akan disampaikan oleh YBhg Leftenan Jeneral Dato' Pahlawan Dr. Haji Abd Razak bin Md Yusoff, Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Markas Angkatan Tentera Malaysia.
2. **Kesan Ancaman Agen Biologi dan Toksin Terhadap Haiwan serta Ekonomi Negara** akan disampaikan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.
3. **Kesan Ancaman Agen Biologi dan Toksin Terhadap Tanaman/Biodiversiti Tumbuhan serta Ekonomi Negara** akan disampaikan oleh Jabatan Pertanian, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

4. **Kesan Ancaman Agen Biologi dan Toksin Terhadap Haiwan Akuatik serta Ekonomi Negara** akan dibentangkan oleh Jabatan Perikanan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.
5. **Ancaman Semasa dan Bencana Serangan Biologi dan Toksin dari Perspektif Keselamatan Negara** akan dibentangkan oleh Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri.
6. **Kerjasama Perisikan Berkaitan Biologi dan Toksin di Peringkat Antarabangsa** akan disampaikan oleh YBhg Leftenan Jeneral Dato' Abdul Hadi bin Haji Hussin, Ketua Pengarah Perisikan Pertahanan, Bahagian Staf Perisikan, Markas Angkatan Tentera Malaysia.
7. **Dasar Negara dan Konvensyen Senjata Biologi dan Toksin** akan disampaikan oleh YBhg Datuk Dr. Ismail bin Haji Bakar, Timbalan Setiausaha (Dasar) Kementerian Pertahanan.
8. **Konvensyen Senjata dan Toksin dari Perspektif Perundangan** akan dibentangkan oleh Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Peguam Negara.
9. **Kerjasama Teknikal dengan Negara Luar dalam Melaksanakan Pematuhan Terhadap Konvensyen Senjata Biologi dan Toksin** akan disampaikan oleh YBhg Datuk Dr. Abdul Ghaffar Ramli, Ketua Pengarah STRIDE.
10. **Cadangan Perlaksanaan Rang Undang-Undang Konvensyen Senjata Biologi dan Toksin 2012** akan disampaikan oleh YBhg Datuk Dr. Abdul Ghaffar Ramli, Ketua Pengarah STRIDE.
11. **Rumusan Terhadap Draf Rang Undang-Undang Konvensyen Senjata Biologi dan Toksin 2012** akan disampaikan oleh YBhg Jeneral Tan Sri Dato' Sri Zulkifeli bin Mohd Zin, panglima angkatan Tentera Malaysia, Markas Angkatan Tentera Malaysia.

Turut hadir YB Menteri Pertahanan Malaysia selaku Moderator dan Ahli-ahli Panel terdiri daripada Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Ketua Pengarah Kesihatan Kementerian Kesihatan, Ketua Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa Jabatan Peguam Negara, Setiausaha Majlis Keselamatan Negara, Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Ketua Pengarah Jabatan Pertanian, Ketua Pengarah Jabatan Perikanan dan Setiausaha Bahagian, Bahagian Keselamatan Pelbagai Hala Kementerian Luar Negara.

KUALA LUMPUR

25 JUN 2012